



Pengauditan ISO 9001:2000

KETIGA-TIGA PERPUSTAKAAN BERJAYA



DETIK SEJARAH ... Juruaudit daripada SIRIM/QAS sedang mengumumkan keputusan audit, apabila ketiga-tiga Perpustakaan berjaya dalam Pensijilan ISO 9001:2000

Kubang Kerian, Kelantan dan Perpustakaan Cawangan Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia di Kampus Induk, Pulau Pinang turut sama berjaya melepasi pengauditan buat kali pertamanya.

Kejayaan ini amat bermakna sekali untuk PUSM kerana ia berjaya meletakkan sistem perkhidmatan jabatan dalam sistem kualiti yang diiktiraf oleh badan dunia.

Di samping itu, Perpustakaan juga merupakan jabatan pertama di USM yang berjaya mendapat pensijilan ISO bagi ketiga-tiga kampus. Pencapaian ini lebih bermakna lagi apabila PUSM mencatat rekod sebagai Perpustakaan pertama di negara ini yang telah berbuat demikian.

Pengauditan telah diadakan pada 13 hingga 15 November oleh dua orang juruaudit bertauliah dari syarikat tersebut. Pengauditan telah diadakan secara serentak di Perpustakaan Kejuruteraan di Transkrian dan Perpustakaan Kesihatan di Kubang Kerian pada 13 November. Pengauditan di Perpustakaan Induk Minden, Pulau Pinang pada 14 dan 15 November.

Dalam perkembangan berkaitan, pendokumentasian pada kali ini dibuat secara dokumen elektronik (e-Doc), iaitu yang pertama seumpamanya di negara ini. Ini bererti dokumen ISO boleh diakses secara talian oleh ketiga-tiga kampus.

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (PUSM) mengekalkan taraf pensijilan ISO yang diterima tahun lepas setelah melepasi pengauditan pengawasan yang dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS baru-baru ini.

Sementara itu, tiga lagi perpustakaan cawangan, iaitu Perpustakaan Kejuruteraan, di Transkrian, Nibong Tebal, Pulau Pinang, Perpustakaan Kesihatan di

UTUSAN DARIPADA KETUA PUSTAKAWAN

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia memasuki tahun ke-33 pewujudannya sebagai Jabatan yang penting di dalam menyokong semua program akademik Universiti ini. Kerap diperkatakan Perpustakaan yang cemerlang adalah asas pada Universiti yang cemerlang (*a first rate library is the foundation for a first rate University*).

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan seperti menambah bahan-bahan ilmiah dan sumber-sumber ilmu bernilai, serta memenuhi keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Kelas-kelas kemahiran maklumat akan terus dipertingkatkan supaya pelajar memperoleh kemahiran dan berupaya mengenalpasti, menganalisis, menilai, 'organise', mengaplikasikan maklumat dan seterusnya membekalkan mereka dengan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Pensijilan ISO 9001 : 2000 yang diperolehi pada akhir 2002 menjanjikan Perpustakaan komited pada keperluan pelanggan dan staf yang mahir (kompeten) berupaya melaksanakan tugas dengan baik.

Dengan itu Perpustakaan akan memasuki tahun 2003 dengan penuh iltizam untuk cemerlang bersama Universiti.

MENARIK DI DALAM

Nota Editor	2	Ulasan Buku Terbitan Penerbit USM	23
Penapisan Internet dan Pembangunan e-Doc Pelengkap Kepada Pensijilan ISO	3-7	The USM Engineering Library	24-25
WAWANCARA Mantan Ketua Pustakawan Publishing in the Two Economies	10-13	Jubilation	26-27
	16-17	Reference Desk	28
	18-21	Pengurusan Masa	29
		The Human Side of KM	30

NOTA EDITOR

Selamat Menyambut Tahun Baru 2003

Sama ada sedar atau tidak tahun 2002 telah mengucapkan selamat tinggal sementara fajar 2003 melambai dengan penuh senyum. Begitulah cepatnya masa berlalu dan kita seolah-oleh merasakan tidak banyak perkara yang dapat dilakukan sepanjang tahun 2002.

Alhamdulillah, isu kedua JENDELA tahun ini dapat disempurnakan seperti yang dijadualkan. Ini bererti sasaran penerbitan JENDELA dua kali setahun berjaya dan tentunya diharapkan tempo penerbitan ini dapat dikekalkan.

Seungguhnya, untuk mengekalkan penerbitan berkala seperti ini merupakan cabaran besar kepada Sidang Editorial. Tanpa sokongan dan dokongan dari pihak Pengurusan Perpustakaan mahupun staf sokongan, maka adalah sukar bagi kami melaksanakan tugas ini.

Cabaran dan halangan wujud di mana-mana jua penerbitan. Antara cabaran ini termasuklah bagaimana susahnya untuk memperoleh bahan bermutu untuk disiarkan termasuklah berita, rencana, gambar-gambar mahupun ilustrasi. Selain itu pihak Editorial juga terpaksa menghadapi karenah lain yang boleh melambatkan proses penerbitan.

Seandainya kesabaran yang mendalam tidak dipertaruhkan maka tentunya projek penerbitan seperti ini akan terbengkalai. Pendek kata bermula daripada cetusan idea hinggalah penerbitan itu sampai ke tangan pembaca, Sidang Editorial terpaksa merempuh pelbagai rintangan dan cabaran.

Penerbitan sulung JENDELA pada Julai tahun lalu telah diedarkan agak meluas. Edaran dibuat kepada semua jabatan di USM dan juga hampir setiap perpustakaan di negara ini. Jumlah edaran ini akan dikekalkan malah akan cuba dipertingkatkan daripada satu keluaran pada keluaran yang lain mengikut kemampuan yang ada pada kami. Kerana konsep kami, penyebaran maklumat harus dilakukan seluas-luasnya.

Sementara itu, pelbagai reaksi pro dan kontra juga telah kami terima dari pembaca. Kita di meja Editorial sangat mengalu-alukannya kerana dengan reaksi seperti ini akan kita jadikan panduan untuk menambahbaik isu-isu penerbitan akan datang.

Sebagaimana yang kita tahu, JENDELA merupakan ikon penerbitan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (PUSM). Walaupun ianya bukan suara rasmi PUSM, tetapi pemberitaan dan artikel/rencana yang dimuatkan tetap dianggap sebagai manifestasi PUSM. Justeru konsep penerbitannya yang berorientasikan pada 'persekitaran perpustakaan' dan kandungannya yang separa akademik akan terus dipelihara.

Kandungan JENDELA kali ini lebih tebal daripada keluaran lalu. Sidang Editorial merasa bangga kerana pada terbitan ini, kami mendapat banyak sumbangan daripada para profesional kita. Sumbangan seperti ini amat dialu-alukan. Rencana yang kita siarkan pada kali ini sememangnya bertaraf akademik dan profesional. Isi kandungan dan cara penulisan mereka adalah sebaris dengan penulis rencana yang tersiar di dalam oleh majalah antarabangsa.

Ini membuktikan bahawa kita tidak miskin sumber dan bakat penulis, cuma kita perlu memberi waktu, ruang dan suntikan tenaga untuk mereka menghasilkan penulisan yang berkualiti.

Akhir sekali kita berharap agar penerbitan JENDELA akan terus menjadi rangsangan dan medan pencetus idea kepada pustakawan dan mereka yang terlibat dengan perpustakaan secara langsung atau tidak langsung untuk terus menulis atau memberi sumbangan kepada sebuah penerbitan yang lebih baik dan bermutu.

Terima kasih daun keladi untuk Sidang Editorial kerana telah bertungkus-lumus untuk penerbitan kali ini, dan pihak Pengurusan PUSM kerana terus memberi sokongan.

Disember 2002

Sidang Editorial

Noor Ida Yang Rashdi (Penasihat)
Ramli Abdul Samad (Ketua Editor)
Akla W. Ismail (Editor Penyelaras)
Ruslan Che Pee (Kampus Kejuruteraan)
Kiru (Ilustrator)

JENDELA Diterbitkan Oleh
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang
Telefon : 04-6533888 sambungan 3721, 3712
Faks : 04-6571526
Email : jendela@pustaka.usm.my
URL : www.pustaka.usm.my/~jendela

Sekiranya anda mempunyai sebarang idea untuk disumbangkan sama ada dalam bentuk rencana, laporan atau komen, sila ajukan kepada Sidang Editorial melalui email atau yang beralamat di atas. - Editor

RENCANA

PENAPISAN INTERNET DAN PEMBANGUNAN : Sebuah Catatan Ringkas

oleh Ramli Abdul Samad (ras@notes.usm.my)



Internet merupakan salah satu cara hidup kita hari ini. Apabila sahaja kita sebut tentang bagaimana mendapatkan maklumat, maka ramai yang mengaitkannya dengan Internet. Di Internet kita boleh mendapatkan pelbagai jenis maklumat, sama ada yang positif dan berguna atau sebaliknya. Rencana ini memberi fokus secara global bagaimana penggunaan Internet di dalam masyarakat mereka.

*Ramli Abdul Samad,
Pustakawan dan Ketua Bahagian
Malaysiana dan Arkib,
Perpustakaan USM. Beliau juga
Ketua Editor JENDELA
- Editor*

Internet mula muncul di dunia secara meluas mulai tahun 1960-an. Sebelum itu Internet adalah milik eksklusif pihak militer Amerika Syarikat (AS). Pada saat ini Internet sudah menjadi buah mulut di seantero pelusuk dunia dan oleh kerana perkembangan sosioekonomi dunia adalah bercirikan ketidakseimbangan maka wujud juga gejala apa yang dikatakan sebagai jurang digital. Jurang digital wujud baik di dalam negara maju dan negara miskin dan juga antara negara maju dan negara mundur. Mengikut sumber Nua Internet Surveys (www.nua.ie) sejak Februari 2002 negara seperti AS, Kanada dan Eropah mendahului dari segi jumlah pengguna talian jika dibandingkan dengan negara-negara lain di peringkat global. Meskipun Asia mempunyai setengah daripada penduduk dunia namun bilangan mereka yang dapat menghubungi secara talian adalah kurang dari tiga negara maju tadi

How Many Online?

World Total	544.20 milion
Africa	4.15 milion
Asia/Pacific	157.49 milion
Europe	171.35 milion
Middle East	4.65 milion
Canada & USA	181.23 milion
Latin Amerika	25.33 milion

Sumber: Nua Internet Surveys (www.nua.ie)

Potensi Internet itu amat luas, baik dari segi apa pun. Misalnya dari segi ekonomi Internet telah banyak membantu melicinkan lagi proses ekonomi. Oleh kerana kelajuan, keluwesan dan kecekapannya yang menjadi struktur terbuka Internet, ia telah mentransformasikan banyak proses lama sebelum ini. Sebagai contoh dokumen, pesanan, invois dan lukisan teknikal dalam jumlah yang banyak boleh dikirim terus ke mana sahaja di atas bumi ini yang mempunyai hubungan Internet secara talian dan ini sudah tentunya menjimat masa. Transaksi perniagaan dan dagangan menjadi cepat dan menjimatkan kos lalu meningkatkan produktivi.

Pada ketika ini juga jaringan pengeluaran global telah diuruskan oleh Internet. Banyak pembekal dan badan transnasional antarabangsa mengguna Internet. Internet adalah faktor besar dalam pertumbuhan ekonomi dan negara maju seperti AS dan Eropah banyak bergantung pada kemudahan Internet di dalam ekonomi mereka.¹

Sementara itu juga Internet bertindak sebagai satu perantara di mana komunikasi boleh dijalankan. Secara idealnya Internet adalah saluran yang boleh menyalurkan apa sahaja maklumat seperti maklumat teknikal, saintifik, politik, ekonomi dan gosip selagi tiada sekatan terhadap penyaluran itu termasuk maklumat yang boleh ditafsirkan sebagai 'mengancam keselamatan negara'. Maklumat yang dikira sebagai membahayakan sesebuah regim negara itu boleh dikenakan penapisan sama ada bertujuan untuk mengekalkan kuasa politik yang sedang memerintah atau sememangnya bertujuan menjauhi bahaya

yang akan menjejaskan keharmonian rakyat negara berkenaan.

Dalam dunia yang serba moden rata-rata rakyat memerlukan maklumat untuk mereka membuat keputusan. Dalam dunia moden pula konsep demokrasi yang bererti rakyat harus diberi maklumat seimbang dari pelbagai sumber adalah penting. Dalam hal ini kebebasan media baik yang dicetak mahupun berbentuk elektronik adalah prasyarat bagi sesebuah masyarakat itu boleh maju atau tidak

Apakah isu penapisan Internet itu sebuah isu yang besar? Memang ia merupakan isu yang besar dan kontroversi. Dalam dunia yang serba moden rata-rata rakyat memerlukan maklumat untuk mereka membuat keputusan. Dalam dunia moden pula konsep demokrasi yang bererti rakyat harus diberi maklumat seimbang dari pelbagai sumber adalah penting. Dalam hal ini kebebasan media baik yang dicetak mahupun berbentuk elektronik adalah prasyarat bagi sesebuah masyarakat itu boleh maju atau tidak. Jika sesebuah negara itu maju tetapi masih tidak dapat mengetahui perkembangan terbaru dunia kerana maklumat berkenaan tidak sampai ke pengetahuan mereka maka mereka

belum lagi mengecapi erti pembangunan sebenar. Sebagai kembangan pada konsep demokrasi itu muncul pula konsep e-demokrasi, yakni masyarakat mencebur diri mereka dalam perkembangan demokrasi secara talian atau melalui Internet.

Internet yang memungkinkan pencapaian maklumat tanpa terhad boleh juga membawa kemudaratkan mengikut tafsiran beberapa regim pemerintah. Bagi kebanyakan negara-negara maju terdapat kurang penapisan di Internet jika adapun adalah dalam bidang ponografi kanan-kanak atau lelaman yang mengapi-apikan kebencian terhadap agama, budaya dan bangsa. Di negara-negara maju itu sebarang usaha untuk mengenakan penapisan terhadap Internet akan disambut dengan protes lantang dari pelbagai pihak yang cintakan kebebasan laluan maklumat kerana usaha sedemikian ditafsirkan sebagai melanggar hak asasi dan menafikan kebebasan rakyat mereka menerima maklumat yang boleh meningkatkan kesedaran mereka akan perih dunia. Tetapi terdapat beberapa negara sedang membangun tidak mengenakan sebarang bentuk penapisan dan terdapat juga negara-negara sedang membangun yang mengenakan beberapa bentuk penapisan ke atas Internet.

Terdapat tidak kurang daripada 45 negara di planet kita yang mengenakan tindakan di mana tingkat penapisannya yang berbeza-beza. Ada beberapa cara mengaplikasikan penapisan terhadap Internet seperti mengawal atau memantau isi kandungan maklumat, memaksakan penggunaan Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) milik kerajaan, memasang penapis yang menghalang capaian kepada

lelaman yang dikira menyebarkan idea-idea subersif atau mengenakan penapisan sendiri.

Dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh *Reporters Sans Frontieres* terdapat 20 negara yang mana kerajaan mengawal sebahagian atau sepenuhnya capaian Internet terhadap rakyatnya. Negara-negara berkenaan adalah Azerbaijan, Kazakhstan, Kirghizia, Tajikistan, Turkmenistan, Uzbekistan, Belarus, Burma, China, Cuba, Iran, Iraq, Libya, Korea Utara, Saudi Arabia, Sierra Leone, Sudan, Syria, Tunisia dan Vietnam.² Kesemua negara tersebut bukanlah merupakan negara yang maju mengikut kriteria Bangsa-Bangsa Bersatu. Ada di antara negara yang disenaraikan itu merupakan negara yang masih mundur.

Kita ambil contoh tiga negara seperti Burma, Korea Utara dan Afghanistan di bawah pentadbiran Taliban. Ketiga-tiga negara ini tidak membenarkan rakyatnya mengakses langsung Internet. Internet yang kita sedia maklum mengandungi banyak maklumat yang boleh dijanakan sebagai pengetahuan. Dalam hal ini kita boleh sifatkan rakyat tiga negara ini hidup seperti *katak di bawah tempurung*. Kita boleh rumuskan bahawa di tiga negara ini penapisan total berlaku. Di Burma suatu rang undang-undang yang diluluskan pada September 1996 meminta sesiapa daripada kalangan rakyatnya yang memiliki komputer atau modem harus mengisytiharkannya kepada pihak pemerintah, jika gagal berbuat demikian si pemilik itu boleh dikenakan hukuman penjara antara 7 hingga 15 tahun. Burma mempunyai sekitar 48 juta populasi dan cuma 50,000 rakyatnya memiliki PC tanpa hubungan

dengan Internet. Di Korea Utara pula regim itu tidak membenarkan langsung rakyatnya mengakses Internet, mereka cuma mendapat dan menerima

China pula mempunyai banyak undang-undang berkaitan dengan Internet. China sebuah negara yang sedang membangun pesat dengan penduduk 1.4 bilion manusia melalui undang-undang menyatakan bahawa sebaran mesej yang ditafsirkan sebagai "haram", "apa sahaja yang melanggar perlembagaan yang menjejaskan martabat dan kepentingan China" akan dikenakan tindakan. Pada tahun 2000, sebanyak 1,000 jenayah Internet telah dilaporkan oleh pihak pemerintah China.

maklumat daripada pihak pemerintah sahaja. Kedua-dua negara adalah contoh ekstrem di mana penapisan sepenuhnya dibuat secara terang-terang oleh pihak kerajaan masing-masing. Afghanistan semasa di bawah pentadbiran Taliban tidak memberi rakyatnya mengakses Internet kerana khawatir yang kandungan Internet itu banyak bercirikan bahan seksual, maklumat yang bersifat "anti-Islam" dan yang berunsur kelucahan.

Kementerian Mempromosi Akhlak dan Mencegah Maksiat Taliban (*Ministry for the Promotion of Virtue and Prevention of Vice*) bertanggungjawab dalam pengendalian Internet di Afghanistan.³

Sementara itu di negara sedang membangun lain pula amalan regim mereka adalah berbeza-beza, ada mengenakan bentuk-bentuk penapisan dan ada regim yang tidak mempunyai dasar untuk menapis kandungan Internet. Sebagai contoh adalah Singapura. Singapura adalah sebuah negara maju di Asia Pasifik dan pemilik Internet di negara itu adalah salah satu yang tertinggi di Asia. Hampir 50 peratus isi rumah mereka dihubungkan dengan Internet. Namun regimnya begitu khatir dan berwaspada terhadap pengaruh luar yang boleh menjejaskan pemerintahnya. Singapura melalui "Section 42, 1994 Broadcasting Authority Act" mengisytiharkan bahawa sebarang perkhidmatan penyiaran luar yang "melibatkan dalam urusan politik tempatan Singapura" boleh dikenakan denda sebanyak S\$100,000. Singapura meskipun menghimbau kehadiran IT merasa begitu was-was dengan kuasa potensi Internet. Internet boleh bersifat serampang dua mata atau digelar sebagai *double-edged sword*.⁴

China pula mempunyai banyak undang-undang berkaitan dengan Internet. China sebuah negara yang sedang membangun pesat dengan penduduk 1.4 bilion manusia melalui undang-undang menyatakan bahawa sebarang mesej yang ditafsirkan sebagai "haram", "apa sahaja yang melanggar perlembagaan yang menjejaskan martabat dan kepentingan China" akan dikenakan tindakan. Pada tahun 2000,

sebanyak 1,000 jenayah Internet telah dilaporkan oleh pihak pemerintah China. China adalah sebuah kuasa dunia selain AS, United Kingdom, Perancis dan Kanada. Ia turut menerima kemajuan IT tetapi berhati-hati dengan kebebasan Internet yang mampu mempengaruhi pemikiran politik rakyatnya. Sebahagian rakyatnya tidak akur dengan konsep komunisme yang diamalkan oleh regim China sejak lebih dari setengah abad yang lalu.

Apakah ada negara-negara yang sedang membangun tetapi tidak mengenakan sebarang penapisan Internet? Ada, terdapat beberapa negara seperti Indonesia, India, Thailand, Filipina dan Malaysia yang masing-masing berada pada tahap perkembangan ekonomi yang berbeza-beza antara satu dengan lain dan menerima Internet sebagai satu kehadiran teknologi moden yang tidak dapat dielakkan. Semua regim di negara berkenaan sedar akan potensi Internet dalam bidang penyebaran maklumat alternatif selain maklumat rasmi yang diperoleh daripada media massa. Sehingga kini semua negara ini tidak mengenakan sebarang bentuk penapisan Internet. Dengan itu *the free flow of information* melalui Internet wujud di negara-negara ini meskipun terjadi beberapa kes dramatik yang terjadi akibat adanya *free flow of information* ini. Sebagai contoh Presiden Suharto tumbang di Indonesia dan diikuti Presiden Estrada di Filipina semasa kehadiran IT. Meskipun jumlah pemilikan Internet di kedua-dua negara kecil berbanding negara-negara jiran mereka, penggunaan Internet atau teknologi penyebaran maklumat dalam

mengubah corak landskap mereka tidak boleh dinafikan.

Bagaimana dengan Malaysia? Pemimpin negara kita Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang komited dengan

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Internet tidak begitu menjadi masalah meskipun pada era krisis politik pada tahun 1998 hingga akhir tahun 2001 ada pihak yang tidak setuju dengan regimnya telah mengguna Internet sebagai saluran untuk menyalurkan rasa tidak puas hati mereka sehingga memuncak namun kerajaan masih tidak mengenakan sebarang penapisan. Kerajaan masih mengekalkan pendiriannya bahawa kerajaan tidak akan menapis Internet.

pembangunan dan penerimaan IT dan Internet. Malaysia dengan jumlah penduduk 23 juta mempunyai lebih kurang 5 ISP dan pihak kerajaan sentiasa mahu merapatkan lagi jurang digital yang wujud di negara. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas negara dipukul oleh krisis kewangan pada tahun 1997 telah mengambil tindakan tegas antaranya mengenakan kawalan modal untuk menstabilkan ekonomi negara. Negara

seperti seluruh negeri di dunia turut merasa kesan kelembapan ekonomi akibat trajedi 11 September di AS. Namun ekonomi negara masih bertahan dan penekanan terhadap IT dan kini ICT turut dipertingkatkan. Kepimpinan negara melihat ICT dan IT sebagai satu kaedah untuk menambah baik lagi prestasi ekonomi negara. Selain itu, kerajaan telah menubuhkan Koridor Raya Multimedia untuk mengambil kesempatan mengeksplotasi potensi Internet dan IT. Malahan sebagai kembangan daripada ledakan IT dan ICT kerajaan sedang merancang dan mengambil tindakan membawa negara ke alam k-ekonomi. Bagi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Internet tidak begitu menjadi masalah meskipun pada era krisis politik pada tahun 1998 hingga akhir tahun 2001 ada pihak yang tidak setuju dengan regimnya telah mengguna Internet sebagai saluran untuk menyalurkan rasa tidak puas hati mereka sehingga memuncak namun kerajaan masih tidak mengenakan sebarang penapisan. Kerajaan masih mengekalkan pendiriannya bahawa kerajaan tidak akan menapis Internet. Buktinya ialah adanya *Akta Komunikasi dan Multimedia*⁵ di mana pihak kerajaan memberi satu jaminan bahawa tiadanya penapisan di dalam perkembangan Internet. Sepotong ayat dalam Akta itu berbunyi "tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan Internet" bagaikan memberi ruang lingkup kreativiti berkembang di dalam perkembangan Internet. Peruntukan ini sepatutnya disambut dengan riang gembira kerana kegiatan kreativiti tidak disekat di dalam Internet.

Dengan ini maka kita dapat melihat bahawa adanya penapisan ke atas Internet oleh rejim-rejim tertentu. Rejim negara yang maju atau mundur pun masing-masing ada mengamalkan penapisan dan sementara itu juga ada rejim yang sedang maju dari segi ekonominya masih tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap pengaliran maklumat melalui Internet. Pada logiknya Internet harus diterima oleh setiap negara baik yang berstatus sedang membangun atau maju kerana banyak kebaikan atau potensi positifnya, namun dari segi realitinya tidak semua regim yang sependapat dengan pandangan ini. Kesan politik akibat Internet pada jangka panjang belum lagi diberi analisis mendalam dan isu ini masih terbuka. Kita cuma menyangka yang dengan kehadiran Internet rejim-rejim berciri authoritarian tertentu menghadapi masalah amat besar bagaikan tidak dapat dikawal lagi sedangkan negara seperti China dan Cuba, dua contoh negara authoritarian dunia mengatasinya dengan beberapa caranya tersendiri.⁶

Nota kaki

- http://www.nua.ie/surveys/index.cgi?f=FS&cat_id=51
- <http://www.rferl.org/nca/special/enemies.html>
- http://www.nua.com/surveys/index.cgi?f=FS&cat_id=9
- Ramli Abdul Samad, "The double edged sword: a brief comparison of IT and Internet development in Malaysia and some few neighboring countries in the context of digital divide". Paper presented at the 67th IFLA Council and General Conference, August 16th -25th 2001, Boston, United States of America.
- Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588) & Malaysian Communications and Multimedia Commission Act (Act 589). Kuala Lumpur: International Law Book Service, 2000, ms. 16.
- <http://www.ceip.org/files/Publications/wp21.asp>

Pameran Wanita dan Warisan



Pameran Wanita dan Warisan telah berlangsung di Foyer PUSM dari 19 September hingga 30 November 2002. Pameran ini diadakan bersempena dengan pelancaran Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita USM.

Sempena dengan pameran ini juga Isteri TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang YAB Toh Puan Datin Seri Majimor Shariff telah sudi merasmikannya dan melawat pameran tersebut (Foto - Toh Puan sedang tandatangan Buku Pelawat pameran).

Pameran ini memaparkan buku serta maklumat visual dan elektronik

mengenai pengalaman dan ketokohan wanita sejagat dalam mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan untuk mencapai status hari ini.

Kedai Buku Koperasi Pindah

Kedai Buku Koperasi (KBK) telah berpindah lokasi ke Bangunan D19. Bangunan ini pernah di duduki oleh Pusat Teknologi Maklumat.

Perpindahan yang berkuatkuasa sejak Jun 2002 adalah selaras dengan perubahan yang di buat oleh Universiti untuk mengubah kedudukan (relocate) beberapa pusat atau jabatan Universiti pada kedudukan yang lebih sesuai.

Menurut Pengurus KBK, Mohamad Amran Abdul Aziz, kedudukan sekarang adalah lebih strategik berbanding dengan tempat lama memandangkan kita berada pada laluan utama dalam Kampus ini.

"Ini tentunya KBK akan menjadi tumpuan utama oleh masyarakat Kampus" katanya.

Di samping itu, menurut Amran, pihak KBK memberi peruntukan sebanyak RM 1/2 juta untuk tujuan pengubahsuaian bangunan secara dalaman dan luaran.

"Apabila siap sepenuhnya, ia akan memberi imej baru kepada KBK, iaitu lebih 'mesra pelanggan' iaitu selari dengan kehendak pihak Universiti" katanya.

Menyentuh tentang perancangan masa depan KBK, Amran menjelaskan pihak pengurusan akan terus memberi tumpuan kepada memantapkan perkhidmatan pelanggan.

Kerana katanya, tidak guna mengembangkan perniagaan baru sedangkan pelanggan yang sedia ada kita abaikan.

KBK sehingga ini mempunyai dua cawangan, iaitu di Kampus Kejuruteraan Transkerian dan di Kolej Sultan Zainal Abidin, Trengganu.

KBK telah beberapa kali berpindah lokasi sebelum ini. KBK pernah menduduki bangunan Persatuan Alumni USM sekarang, sebelum berpindah ke Bangunan Dewan Budaya.

ringan... ringan...

HOO HA HOO HA, pejam celik pejam celik, tahu-tahu kita berada di penghujung tahun. Tahun 2002 mengucapkan kita sayonara dan tahun 2003 melambai dan mengucapkan selamat datang. Begitulah putaran dunia, tiada siapa dapat menahan. Waktu akan terus datang dan pergi meninggalkan kita. Justeru apa yang mampu kita lakukan ialah membuat sesuatu yang termampu untuk kebaikan diri, keluarga, jabatan atau organisasi. Bila bercakap pasal tahun baru, maka ramai yang akan terlintas pasal resolusi dan azam tahun baru. Begitulah kita, setiap tahun baru maka pakat-pakat pasang azam baru sehinggakan seolah-olah terlupa pada azam lama. Azam lama pun kira penting juga, apakah yang ianya tercapai atau tidak. Kalau tidak tercapai apakah kita telah muhasabah diri ke arah pencapaian itu pada tahun mendatang. Dan kalau tercapai, apakah ianya betul-betul kena pada sasaran atau sipi-sipi saja? Apapun yang penting bukannya tahun baru tetapi yang lebih penting ialah kita perlu cerminkan diri masing-masing, apakah kita berpuas hati dengan sumbangan yang telah kita berikan? Moga tahun baru yang mendatang ini akan membawa sinar baru, harapan baru, serta azam dan kekuatan baru untuk kita sama-sama mendokong dan memperteguhkan lagi organisasi yang menjadi tempat kita berlindung dan mencari rezeki.

ISO VERSI MILENIUM

Kita mengucapkan syabas kepada Jawatankuasa ISO Perpustakaan dan para staf seluruhnya kerana berjaya sekali lagi memecahkan rekod cemerlang mengISOkan seluruh perpustakaan di universiti ini. Kita ada 5 perpustakaan di USM. Di Kampus Induk ada 3 dan 2 lagi di Kampus Cawangan Kejuruteraan dan Kampus Cawangan Kesihatan. Tahniah setinggi ini seharusnya diberikan kerana kerja yang mereka buat ini belum pernah di buat dek perpustakaan lain di negara ini. Nampaknya 'mission impossible' yang pada mulanya ini telah menjadi kenyataan. Setiap seorang staf di PUSM seharusnya mempunyai hak untuk merasa bangga. Tahniah!

WAKTU KERJA

Kita dengar komen daripada salah seorang bapak Menteri kita pasal minum ketika waktu kerja. Katanya ada yang pergi *break* berjam lamanya. Pagi ada tea break dan petang ada lagi break. Jadi kalau termasuk dengan makan tengah hari kita akan break sebanyak 3 kali sehari. Kalau setiap kali break 1 jam, bermakna kita break selama 3 jam sehari. Selain break itu, waktu di dalam pejabat pula kita di selang-seli dengan sembang sana-sembarang sini, telefon sana- telefon sini, dan ia katakan boleh memakan masa selama 1 jam lagi. Jadi jumlah keseluruhannya 4 jam. Kita diperuntukkan untuk bekerja selama 8 jam sehari, maka selepas tolak 4 jam tadi yang tinggal hanya 4 jam sahaja. Tapi kalau kita boleh buat kerja *solid* 4 jam itu sudah boleh dianggap *excellent* pada skala sebagai pegawai kerajaan. Tapi yang 4 jam itu pun nampaknya terus dinodai dengan pelbagai hal dan karenah lagi. Sehingga ada yang hanya boleh dikatakan datang kerja tapi tidak buat kerja. Hal seperti ini jika terus dibiarkan amat membimbangkan. Ia bukan sahaja bercanggah dengan tuntutan agama malah memberi kesan yang negatif secara jangka panjang pada sistem kerja dan pentadiran universiti. Sebenarnya kita tidak tahu apakah resolusi yang seharusnya diterima oleh semua pihak agar semua orang duduk dan membuat kerja sepanjang berada di pejabat. Sampai bila kita akan terus dalam suasana dan budaya yang tidak betul ini, dan sampai bila pula kita akan bersikap sambil lewa dan tidak bertanggungjawab ini. Jawapan yang tepat dan sebenarnya adalah di tangan kita, bergantung pada keikhlasan dan sikap tanggungjawab masing-masing. Di samping itu, pihak yang berkewajipan seharusnya mengambil tindakan tegas terhadap budaya buruk ini, jangan hanya mengeluh dan terus mengeluh ...



Sistem Saraan Malaysia dan SSB

Kalau nak tulis pasal SSB bukanlah kita hebat sangat mengetahui tentangnya, apalagi kalau nak tulis pasal Sistem Saraan Malaysia lagi tak tau apa, tambahan pulak benda ni baru lagi. Cuma yang cuba nak disentuh ialah pasal perkara yang paling sensitif dalam SSB iaitu pasal melintang, menegak, mendatar dan statik. Semua kategori 'me...' yang tersenarai itu telah dirasai oleh staf di Perpustakaan. Ada yang pernah dapat melintang dan menegak (sekali, ada yang dua kali dan tiga kali pun ada), ramai yang setiap tahun dapat mendatar (ini boleh dikategorikan sebagai golongan gigit jari) ada jugak yang pernah dapat statik (ni dikira golongan malang disebabkan kemalasan sendiri?). Apapun menegak/melintang sudah tidak ada lagi. Dengar khabar Sistem Saraan Malaysia tidak ada menegak/melintang, hatta statik pun tak ada (perkara yang amat digeruni oleh kebanyakan staf). Sebaliknya beberapa jenis imbuhan diperkenalkan dan kaedah kenaikan pangkat dikatakan lebih terbuka. Bagaimanapun untuk mendapatkan kenaikan dan imbuhan kenalah ambil periksa dan lulus beberapa ujian dahulu. Dengan kata lain kenalah kerja lebih keras. Apapun terpulanglah kepada staf untuk mendapatkan semua ini, kerana segalanya terbuka kepada sesiapa sahaja. Kita di sini mendoakan supaya semua staf Perpustakaan pecah rekod USM kerana semua orang mendapat imbuhan dan naik pangkat! Bagi kita dapat pun tak apa tak dapat pun tak apa, asalkan kerja jalan dan semua orang *happy* pun sudah lebih daripada cukup!

MANA S LAIN

Lagi tentang huruf ajaib S. Setiap mereka yang bekerja di Perpustakaan akan merasakan sesuatu apabila di sebut huruf S. S besar maknanya dalam dunia perpustakaan di negara ini. Apa tidaknya, yang dah ada S41 (dulunya S3) berangan nak dapat S48 (dulunya S2). Yang dah dapat S48 berangan nak duduk kerusi S54, manakala yang dah ada S54 tak taulah apa pula rasanya. Soal S54 ke S48 ke S41 ke memangnya terlalu banyak diperkatakan dan sehingga menjadi kontroversi berkaitan dengan perjawatan tersebut. Maklumlah ibarat kata pintu yang sempit dan ramai orang pula yang dok berebut nak masuk. Jadi aku langgar hang, hang langgar aku. Bertub sana bertub sini lah jadinya. Bila bertub tu faham-faham sajalah, macam macam boleh jadi. Hang tuduh aku, aku tuduh hang dan macam-macam hal yang kurang enak terjadi. Memangnya selagi dunia terus berputar maka perebutan kuasa dan pangkat atau kedudukan ini akan terus berlaku. Tetapi walaupun kita sibuk pasal S atas-atas jangan lupa pula pasal S yang bawah-bawah tu, kenalah turut sama diperbetulkan.

RESHUFFLE

Baru-baru ini PUSM mengalami reshuffle terbesar yang tidak pernah terjadi dalam sejarah. Apa tidaknya, beberapa Bahagian telah mendapat ketua baru, Automasi ada ketua baru, Media ada ketua baru, Perolehan ada ketua baru, RESD ada ketua baru, Proses Teknik ada ketua baru, manakala di Kampus Kejuruteraan dapat Timbalan baru. Manakala Unit Bahasa Malaysia diserapkan ke dalam Bahagian Proses Teknik dan Perpustakaan Pusat Teknologi Pendidikan dan Multimedia diserapkan untuk berlindung di bawah Bahagian Perkhidmatan Media. Di samping itu juga beberapa pegawai telah bertukar potfolio juga berkuatkuasa pada Jun dan Julai lalu juga. Di sini bukan apa, hanya sekadar nak ucap tahniah kepada yang naik pangkat tu, dan nak ucap selamat bertugas yang dah bertukar potfolio tu... dan hendaknya dengan pertukaran dan reshuffle besar-besaran ini jentera Perpustakaan akan lebih berfungsi dengan lebih baik dan efisien adanya.



e-Doc Pelengkap Kepada Pensijilan ISO 9001:2000 Perpustakaan USM

Oleh Akla W. Ismail (aawi@notes.usm.my)



Akla W. Ismail, Ketua
Bahagian Automasi, Ahli
Jawatankuasa ISO PUSM
sebagai Pengawal Dokumen

Elektronik juga Editor Penyelaras
JENDELA. Rencana ini berasaskan
pada laporan yang dibentangkan kepada
Jawatankuasa ISO PUSM.

Senario 1

e-Doc merupakan fenomena baru dalam dunia pendokumentasian sesuatu bahan atau produk. Ia muncul sejajar dengan penggunaan komputer yang kian meluas dalam organisasi kerajaan ataupun swasta. Ia dipertingkatkan lagi seiring dengan peningkatan Internet seperti penggunaan mel atau penghantaran nota elektronik dalam kebanyakan urusan rasmi atau tidak rasmi. Justeru muncul beberapa kaedah baru konsep buku, majalah atau akhbar elektronik yang mendapat sambutan meluas di kalangan pengguna berdasarkan pada kepantasan, jimat masa dan jimat ruang.

Senario 2

Sekumpulan Pustakawan Universiti Sains Malaysia (USM) telah ditugaskan oleh pihak Pengurusan Perpustakaan membentuk Jawatankuasa Bertindak ISO untuk bertindak ke arah memperolehi pensijilan ISO versi 2000. Sebelum itu Perpustakaan Induk USM telah berjaya mendapat Pensijilan ISO 2001 : 1994 pada November

2001. Tetapi usaha kali ini adalah lebih signifikan kerana Jawatankuasa Bertindak ini mempunyai tiga tugas penting iaitu :-

Pertama : Perpustakaan Induk akan diaudit oleh pihak SIRIM pada bulan Disember 2002.

Kedua : Perpustakaan berusaha menukar (convert) dokumen daripada ISO 2001:1994 kepada ISO 9001:2000.

Ketiga : Pendokumentasian yang dibuat adalah untuk menyelaras semua dokumen bagi ketiga-tiga kampus iaitu, Perpustakaan Induk (Perpustakaan Utama I, Perpustakaan Utama II dan Perpustakaan Cawangan di Pusat Teknologi Peengajaran dan Multimedia), Perpustakaan Kesihatan dan Perpustakaan Kejuruteraan.

Oleh kerana Pensijilan ISO 9001:2000 adalah lebih komprehensif kerana melibatkan ketiga-tiga Perpustakaan maka sudah tentu ia akan melibatkan tenaga, masa dan sumber kewangan yang banyak berbanding dengan tugas sebelum ini. Untuk mengatasi masalah ini, Jawatankuasa Bertindak (JB) ISO berpendapat bahawa adalah lebih baik sekiranya beberapa tugas pendokumentasian ini dijalankan secara elektronik. Tugas-tugas ini termasuklah pertukaran mel elektronik, perbincangan dan seterusnya menyiapkan dokumentasi lengkap secara elektronik.

Selain perkara yang tersebut di atas, JB juga merasakan tugas ini juga merupakan langkah perintis yang diambil oleh

Perpustakaan. Apabila siap kelak Perpustakaan berharap ianya dapat dikongsi bersama antara jabatan, terutama sekali jabatan atau pusat yang sedang berusaha untuk mendapat Pensijilan ISO.

Kenapa e-Doc?

1. Kaedah Pengawalan Terkini

Kaedah ini memenuhi dan mematuhi keperluan Pengurusan Kawalan Dokumen ISO9000. Penghasilan e-Doc diterima pakai di seluruh dunia sebagai salah satu kaedah persembahan dan kawalan dokumen yang terkini. Ia juga selari dengan kehendak semasa ICT. Dengan melaksanakan sistem pengawalan dokumen secara elektronik dapat memberi keuntungan kepada Perpustakaan kerana kaedah pengagihan dokumen adalah secara lebih berkesan. Ini termasuk peringatan secara 'time-based', cepat, mudah mengesan dan melapor .

2. Tinjauan dan Proses Kemaskini

Dalam sistem e-Doc semua dokumen dapat dicapai secara talian selepas dipersetujui diterima pakai oleh pihak Pengurusan, pihak-pihak yang terlibat dan penulis dokumen. Dokumen ini pada mulanya dibincang dan akhirnya dipersetujui. Seterusnya sistem ini akan membenarkan semua dokumen diakses oleh penulis dokumen, membenarkan penulis dokumen mengubah atau mengedit apa-apa dokumen tetapi tertakluk pada ketetapan oleh JB. Dalam proses pengubahsuaian ini



pihak JB atau Pengurus Kualiti boleh berhubung melalui kemudahan email. Bagaimanapun tahap perubahan yang berlaku pada dokumen akan memberi gambaran tentang kewujudan versi yang sebelumnya. Perubahan akan melalui tahap-tahap tertentu dan dapat dikesan pada Senarai Induk.

3. Memastikan Perubahan dan Status Semakan Terkini boleh dikenalpasti

'Routing' dokumen merupakan proses yang agak rumit, mengambil masa dan kadangkala mengelirukan. Kerana proses ini akan melibatkan proses-proses seperti deraf dokumen, semakan, perbincangan, kelulusan dan edaran. Semuanya akan dilakukan melalui proses elektronik seperti saluran email. Sebaik sahaja proses di atas selesai, deraf akhir boleh ditinjau atau mendapatkan maklum balas. Tetapi pada mereka yang terlibat seharusnya/akan berupaya membuat transaksi seperti :

- Menerima email berkaitan dengan perubahan atau cadangan.
- Meninjau cadangan perubahan.
- Memberikan komen-komen berkaitan.
- Tambah, edit dan sebagainya.

4. Akses Melalui Halaman Web

e-Doc akan mampu diakses dan ditinjau melalui halaman web yang disediakan. Bagaimanapun dokumen ini akan dikawal mengikut kategori pengguna kerana dokumen ini bersifat 'sulit' pada sesetengah bahagian. Secara amnya tujuan halaman web adalah lebih bersifat penyebaran maklumat terkini dan pendedahan secara lebih menyeluruh untuk kebaikan dan faedah pengguna umum.

5. Memastikan Versi Dokumen yang Relevan Boleh Dapat Kembali Apabila Diperlukan

Kaedah ini juga memberi kemudahan pencarian melalui kaedah pengindeksan teks penuh atau elemen tertentu (kaedah jangka panjang). Lokasi dokumen versi cetakan yang dikawal dapat dikenalpasti dan dielaskan.

6. Mencegah Penggunaan Secara Tidak Sengaja Dokumen Yang Lapuk (Obselete) dan Mengesannya (Identifikasi) Apabila Diperlukan

Kerja mendokumentasi merupakan satu tugas yang remeh temeh, membosankan dan mengambil masa yang panjang. Dokumentasi lengkap ISO selalunya

mencecah sehingga seribu muka surat. Mereka yang terlibat akan bekerja dalam keadaan tertekan dan tentunya mudah membuat kesilapan. Di sini terlalu banyak timbul komplikasi dan salah faham terhadap dokumen. Sifat manusia yang lemah dalam keadaan tertekan akan merumitkan lagi hubungan komunikasi dan pelbagai salah faham. Akibatnya, akan muncul rungutan daripada pegawai yang menerima dokumen yang sudah lapuk (obsolete) walhal beliau sudah mengemaskinikan dokumen berkaitan sebelum ini. Maka e-doc telah terbukti boleh meringankan masalah di atas sementara itu dokumen yang tidak diguna pakai lagi (versi lama) akan disimpan dalam pangkalan data arkib tetapi masih boleh dikesan oleh pengguna.

7. Manfaat untuk Tiga Kampus

Pendokumentasian adalah untuk ketiga-tiga kampus. Hakikat ini adalah amat jelas untuk memberi manfaat kepada penulis dokumen dan pengguna dalaman yang berada pada tiga lokasi yang berlainan.


8. Pewujudan Sebuah Pusat Kawalan Dokumen

Pusat kawalan dokumen yang diwujudkan mempunyai ciri penambahan produktiviti seperti berkualiti tinggi, daya ketahanan yang maksimum serta pengurusan dokumen yang bersistematik dan terbaik.

Perisian

- Menggunakan teknologi Lotus Notes untuk tujuan peng storan dokumen yang dikawal. Pengaksesan dihadkan.
- Pengkodan html untuk teks biasa akan menggunakan perisian popular FrontPage. Ini termasuk pembinaan beberapa interface dan dokumen yang dibenarkan diakses oleh pengguna.

PUSAT KAWALAN DOKUMEN



Perkakasan

- Notes Server
- Web Server
- PC - Pengawal dokumen
- 2 PC - untuk tugas memuat-turun, format, mengimbas.

Faedah Projek dan Perkembangan Masa Depan

1. Jambatan Elektronik

- Wujudnya sebuah sistem pengurusan dokumen elektronik yang membolehkan semua pihak merujuk pada dokumen berkaitan untuk urusan kerja masing-masing. Dalam konteks Perpustakaan USM, wujud sebuah rangkaian di bawah satu pengurusan untuk tiga tempat yang berasingan.
- Kemudahan akses melalui Internet untuk rujukan semua Perpustakaan dan organisasi berkaitan dengannya di seluruh negara.

- Wujudnya sebuah rangkaian yang akan memberikan keselesaan kepada pengguna, konsep tekan papan kekunci, kos yang rendah dan sebuah penerbitan yang canggih.

2. Menjadi asas kepada pentadbiran/ perkhidmatan secara elektronik sepenuhnya. Projek ini dijangka disiapkan mengikut fasa seperti dalam jadual sebelah. E-Doc yang dibina ini akan memenuhi keperluan pengurusan, penyemakan dan pengubahsuaian dokumen.

3. Menjadikan projek yang dibangunkan ini sebagai model dan asas kepada USM untuk melaksanakan ISO secara keseluruhan.

4. Sebuah dokumentasi elektronik yang bercirikan mudah dicari, segera dicapai, boleh berkongsi, boleh diguna semula (reuseable) dan interaktif.


5. Perpustakaan akan menjadi pusat rujukan dan perundingan kepada organisasi lain untuk kerja mengelektronikkan dokumen.



Kempen 'Ke Arah Pensijilan ISO 9000 : 2000 di Perpustakaan' baru-baru ini.

Tiga Langkah Mengakses e-Doc

1. Ke Halaman Web Perpustakaan URL: <http://www.lb.usm.my> Dan pilih Dokumentasi ISO 9001:2000



2. Ke Menu Utama Dokumentasi ISO 9001:2000



3. Selepas Pilih Dokumentasi ISO 9001:2000, anda akan di bawa ke Menu Utama. Di sini terdapat 3 kumpulan dokumen penting yang menjadi asas kepada Pendokumentasian ISO Perpustakaan.



Jadual Pelaksanaan e-Doc

OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER - APRIL 2003
<p>Fasa 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Penetapan Projek oleh Jawatankuasa ISO Membentuk Jawatankuasa Pembangunan E-Dokumen Mengenalpasti dan Menyelaras dokumen yang digunakan oleh ketiga-tiga Perpustakaan. Mengenalpasti Dokumen Rujukan Luaran, Dokumen Rujukan Dalaman, Borang dan Lampiran Menetapkan Konsep dan Kaedah Penyampaian E-Dokumen (melalui web) Menetapkan keperluan sumber untuk Pembangunan Web 	<p>Fasa 1</p> <p>Pembangunan Web</p> <p>Bahagian 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Rekabentuk dan konsep Penyediaan templet Grafik Memuat-turun teks Format Pengimbasan (Borang & Lampiran) Visual Model Web Kemasan terakhir Penyiapan untuk on-line <p>Bahagian 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemasan dan pemantauan Pengenalan e-Doc kepada semua staf Perpustakaan yang terlibat untuk ketiga-tiga kampus. Latihan penggunaan e-Doc Audit ISO 90012-2000 oleh SIRIM 	<p>Fasa 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan, pembetulan dan pemurnian dokumen secara menyeluruh Memasukkan Senarai Lampiran seperti Panduan - tugas ini termasuk penyediaan templet, grafik, memuat-turun, format, pengimbasan, visual muka surat web, penyiapan terakhir, instalasi dan pengujian secara on-line.

Fakta Pensijilan ISO 9001: 2000 Perpustakaan USM

1. Pensijilan ISO 9001:1994 - November 2001
2. Perbincangan mendapatkan ISO 9001: 2000 - Januari 2002
3. Penubuhan Jawatankuasa ISO Perpustakaan - Januari 2002
Ahli Jawatankuasa
Noor Ida Yang Rashdi - Penasihat
Mohd Nasir Hj. Md Rashid - Pengurus Kualiti
Habsah Abdul Rahman - Timbalan Pengurus Kualiti
Mohd Idris Haji Ali -
Pengawal Dokumen Elektronik
Abd. Akla Wan Ismail -
Pengawal Dokumen Elektronik
Adnan Haji Sharif -
Wakil Perpustakaan Kejuruteraan
Ali Abdul Rahim -
Pengurus Kualiti Perpustakaan Kejuruteraan
Rugayah Ali -
Pengurus Kualiti Perpustakaan Kesihatan
Nik Asmak Nik Ishak - Wakil Perpustakaan Kesihatan
4. Perbincangan tentang gabungan (merge) dokumen untuk ketiga-tiga kampus - April 2002
5. Jawatankuasa ISO Perpustakaan memulakan tugas penggabungan - April 2002
6. Perjumpaan dan Mesyuarat berkala Jawatankuasa ISO Perpustakaan dari April - November.
7. Perbincangan di Perpustakaan Kesihatan.
8. Deraf Dokumen Lengkap
9. Latihan untuk semua Staf Perpustakaan
10. Memulakan tugas menghasilkan e-Doc
11. Audit Dalam Ketiga-tiga Kampus
12. Audit oleh SIRIM-QAS Sdn Bhd., 13 - 15 Disember 2002
13. Anugerah ISO 9001:2000 bersyarat, 15 November 2002

Kementerian-kementerian	24
Jabatan-jabatan Persekutuan	103
Badan-badan Berkanun Persekutuan	71
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri	13
Pejabat Tanah dan Daerah	129
Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan	148
Jabatan-jabatan Negeri	231
Badan-badan Berkanun Negeri	73
Jumlah	792

Sumber : <http://www.mampu.gov.my/Pemodenan/ISO/ISO.htm>



Pertemuan Staf dari 3 Kampus adalah antara program pemurnian dokumen ISO. Gambar di atas menunjukkan staf yang terlibat dalam satu perbincangan di Perpustakaan Kesihatan



PENANTIAN memang satu penyiksaan dan tentunya menuntut kesabaran ... itulah hakikat berlaku kepada staf kita, semuanya menanti penuh sabar ketika pihak SIRIM QAS membaca keputusan audit baru lalu. Dalam pengauditan tersebut PUSM telah diberikan kelulusan bersyarat di mana 6 ketidakakuratan minor perlu diperbetulkan. Pembetulan tersebut telah diperakukan pada 16 Disember, dengan ini PUSM disahkan sebagai pemilik ISO 9001:2000 dengan rasminya.



Kepada: Rujukan: UP. 47/TQM/ISO/P.0098
Tarikh: 23 NOVEMBER 2002

Semua Staf Perpustakaan

Audit Susulan MS ISO 9001 : 2000
Perpustakaan, 13 - 15 November 2002

Seperti Y.Bhg. Datin/tuan/puan maklum, Audit Susulan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. telah dijalankan dengan lancar pada 13 November 2002 di Perpustakaan, Kampus Kesihatan dan Perpustakaan, Kampus Kejuruteraan dan pada 14 hingga 15 November 2002 di Perpustakaan, Kampus Induk. Enam (6) ketidakakuratan 'minor' telah ditemui semasa audit tersebut. Tindakan pembetulan sedang dilakukan dan akan dilaporkan kepada pihak SIRIM tidak lama lagi.

Saya, bagi pihak Pengurusan Perpustakaan, mengucapkan tahniah kepada semua staf Perpustakaan dan mencatatkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dan bertungkus lumus memastikan Perpustakaan sekali lagi dianugerahkan Pensijilan ISO.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'CINTAILAH BAHASA KITA'

Noor Ida
(NOOR IDA YANG RASHDI)
Ketua Pustakawan

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)
Pegawai Bahagian Pembangunan Korporat

e-Doc di 4th Digital Library Conference

e-Doc yang menjadi penyokong kepada Pencapaian ISO 9001:2000 Perpustakaan telah mengambil bahagian dalam Pameran Poster bersempena dengan 4th Digital Library Conference yang berlangsung di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur antara 17 hingga 19 Disember 2002 lalu. Poster yang berjudul *e-Doc : a tool for the implementation of ISO 9001:2000 at USM Library* adalah sebuah dokumentasi ISO secara elektronik yang pertama di negara ini. Konferensi dua tahun sekali ini juga menemukan semua pustakawan daripada pelbagai perpustakaan di seluruh negara.

SEJARAH JENDELA

Penerbitan JENDELA tercetus pada September 1985, apabila pihak pengurusan Perpustakaan merasakan perlunya sebuah penerbitan dalam bentuk buletin dikeluarkan sebagai jambatan pemhubung di antara kakitangan di Perpustakaan ketika itu. Hasil daripadanya Encik Ramli Abdul Samad dan Cik Lilian Voon telah ditugaskan untuk menulis kertas cadangan tentang konsep dan rupabentuk buletin yang bakal diterbitkan itu nanti.

Secara kasarnya, buletin ini adalah bertujuan sebagai penyalur maklumat kepada semua staf di Perpustakaan agar segala perkembangan yang berjalannya di Perpustakaan baik dari segi sosial mahupun perkembangan pentadbiran dan profesional boleh diikuti oleh semua.

Disamping itu, buletin ini juga adalah sebagai alat komunikasi antara staf melalui maklumat yang disampaikan. Selain dari itu diharapkan ia akan menjadi medan kepada staf untuk memberikan sumbangan penulisan mereka.

Jawatankuasa Penerbit Berita Perpustakaan yang bertanggungjawab kepada penerbitan buletin pada mesyuarat pertama mereka pada 12 Ogos 1985 juga telah bersetuju mengadakan pertandingan mencipta logo dan nama buletin yang bakal terbit.

Sebanyak 41 penyertaan telah diterima dan jawatankuasa telah memilih JENDELA sebagai nama Buletin Perpustakaan. Wong Peng Kit yang muncul sebagai pemenang berkata ide untuk menamakan JENDELA adalah hasil daripada cogan kata *the library is a window to the world*.

Pada Ogos 1985 isu pertama JENDELA menemui pembaca. Namun edarannya terhad kepada staf Perpustakaan sahaja. Pengularan isu JENDELA seterusnya berjalan lancar tetapi terhenti pada tahun 1999.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Staf Kanan Perpustakaan yang diadakan penghujung tahun 2000 telah memutuskan agar JENDELA diterbitkan kembali, tetapi dengan konsep yang agak berbeza, iaitu lebih menitik-beratkan kepada kandungan yang bercorak separa akademik dan pendedaran yang lebih meluas.

Mesyuarat tersebut juga menetapkan Ketua Editor yang bakal mengendalikan penerbitan ini. Pada Julai 2002, isu pertama JENDELA berjaya diterbitkan.

W A W A N C A R A

Lim Chee Hong - Mantan Ketua Pustakawan USM Ke-2

Lim Chee Hong ialah mantan Ketua Pustakawan USM yang kedua. Beliau mula berkhidmat di USM pada tahun 1971 dan bersara pada tahun 1994. Sebelum itu beliau telah berkhidmat di Perpustakaan Perubatan, Universiti Malaya pada tahun 1963 selepas mendapat ijazah B.Sc dan kemudian Associate of the Library Association (ALA London). Beliau bersama pustakawan-pustakawan seangkatannya telah membangunkan Perpustakaan USM yang bermula daripada sebuah ruang perpustakaan yang berkongsi dengan Kolej Maktab Perguruan Persekutuan di Gelugor pada tahun 1969 kemudian itu di Bangunan Musium dan Galeri USM kini dan akhirnya ke bangunan baru Perpustakaan pada tahun 1979. Sebahagian besar masa kerjayanya telah dicurahkan pada Perpustakaan USM. Dalam perkhidmatannya beliau telah bertanggungjawab antara lainnya memulakan Sistem Berkomputer MALMARC secara pemrosesan kelompok yang melibatkan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan-Perpustakaan Universiti pada waktu itu. Sebelum bersara beliau telah merekabentuk Perpustakaan Utama II. JENDELA mengambil kesempatan ini untuk mewawancara beliau dan mengikuti sedikit perkembangan semasanya. - EDITOR

Tuan telah bersara lebih dari 8 tahun, bagaimana tuan mengisi masa selama tempoh tersebut ?

Sejak saya bersara, saya ada membuat kerja-kerja perundingan berkaitan dengan kepastakaan secara separa masa. Di samping itu juga saya mempunyai banyak masa untuk bersama dan bemesra lebih akrab lagi dengan dua orang cucu saya. Mereka sekarang berada di Amerika Syarikat.

Senario perpustakaan dulu dan kini telah banyak berubah, apakah yang tuan dapat lihat dengan perkembangan itu ?

Sebenarnya saya tidak lagi mengikuti perkembangan di Perpustakaan-Perpustakaan USM secara aktif lagi.

Sepanjang tempoh tuan bersara, apakah perubahan yang telah tuan dapat mengikuti di Perpustakaan USM ?

Seperti yang saya jelaskan saya saya tidak mungkin dapat memberi ulasan yang wajar kerana saya tidak lagi mengikuti kemajuan Perpustakaan USM secara dekat. Walau bagaimanapun, saya ingin mengalu-alukan pengwujudan portal Web Perpustakaan USM oleh staf profesional perpustakaan sendiri. Inisiatif itu dapat menjimatkan pembelanjaan jika dibuat oleh pihak swasta.

Kami dengar tuan ada terlibat dengan kerja-kerja perundingan untuk perpustakaan, sejauh mana penglibatan tuan itu ?

Ya, saya ada terlibat dengan kerja-kerja perundingan. Sebagai contoh saya telah membangunkan satu sistem perpustakaan berkomputer dengan mengguna perisian CDS/ISIS UNESCO pada beberapa perpustakaan kolej. Antara kolej yang dimaksudkan ialah Kolej Disted-Stanford dan Kolej Perubatan Pulau Pinang. Selain itu saya turut membangunkan sistem Perpustakaan berkomputer yang sama di beberapa kelab rekreasi seperti Penang Sports Club dan Penang Swimming Club. Dengan adanya sistem ini maka terbuka peluang akses bukan sahaja pada ahli tetapi juga anak-anak ahli kelab berkenaan kerana mereka boleh menggunakan perpustakaan di sana untuk mencari atau menimba ilmu secara sistematik.

Banyak pendapat mengatakan bahawa peranan pustakawan telah banyak berubah terutamanya selepas perkembangan ICT yang menyeluruh, bagaimana pula dengan pendapat tuan? Apakah unsur manusiawi pustakawan itu kian tidak penting lagi memandangkan tugasnya boleh diambil alih oleh ICT ?

Bagi saya aspek manusiawi itu masih penting walaupun adanya kehadiran dominan ICT di dalam senario Perpustakaan. Kehadiran manusia itu akan memberi sentuhan pribadi kepada pengguna dan ini akan memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

Untuk mendapatkan sebuah sistem komputer bersepadu di perpustakaan merupakan masalah



yang berpanjangan kerana setiap antara 5 hingga 8 tahun sistem yang baru akan diganti, apakah tuan fikir perpustakaan akademik harus membangunkan sendiri sistem mereka secara bersama kerana kita sudah mempunyai kepakaran untuk berbuat demikian?

Pada pendapat saya, saya tidak percaya kita harus sistem kita sendiri sebab pengwujudannya amat rumit dan kompleks. Apa yang penting dan wajar ialah kita mengesan perisian yang relevan serta memenuhi keperluan pasaran dan mengambilnya dan mengaplikasikan pada sistem kita supaya ia lebih berkesan.

Akhir sekali, apakah nasihat dan pandangan tuan kepada para pustakawan khusus pustakawan di USM dan amnya seluruh negara.

Saya kira para pustakawan harus memantap atau mengukuhkan sikap dan amalan berkhidmat kepada pelanggan. Konsep 'service-oriented' harus terbatin dalam jiwa dan raga mereka. Para pustakawan harus meneruskan dengan pengetahuan dan perkembangan dalam bidang kepustakawanan.

Mengikut pendapat tuan apakah sebenarnya yang boleh mengharumi imej seseorang pustakawan dan Perpustakaan itu ?

Kekal dan pertingkatkan sikap profesionalisma dan selalu berkhidmat kepada pelanggan.

Terima kasih kerana sudi menjawab semua pertanyaan kami.

Terima kasih kembali kerana sudi mewawancara dan meminta pandangan semasa daripada saya.

Publishing In The Two Economies

by A'watif Ahmad (awatif@notes.usm.my)



The writer is currently attached to the USM Press. She is graduated with a Master of Philosophy in Publishing Studies at Stirling University, Scotland, United Kingdom provides an overview on the significance of publishing and compares the 'Western model' with 'non Western model of publishing'. The writer has been with USM' Library for more than 13 years. - Editor

Under the UK Copyright Designs & Patents Act 1988, 'Publication takes place when copies of the work are issued to the public with the licence of the copyright owner, with the intention to satisfy the reasonable requirements of the public' (Jones, H. 1996). The book (also allied and digital products) is an enduring medium through which ideas and knowledge are communicated, and a society's culture portrayed; and as such it is a primary resource for the student, the general reader and sometimes for the media. The diversity of books and publishers is vitally important to a democracy.

Book publication attracts an enormous number of diverse authors who want to communicate their ideas, thereby gaining recognition. Book publishing serves the million-copy fiction writer and the most specialist author with under one thousand sales: book can be published profitably for tiny markets, which though limited in scale are limitless in number. Authors want to be published. Publishers constantly try to find new ones, and meet the ever-growing diverse leisure and professional interests of readers. Technological advances have enabled printed books to be published more economically in smaller and smaller quantities, and e-books are just getting started.

'Publishing stands at a crossroads between intellectual activity and commercial enterprise' (Altbach and Choi 1993). It requires skill and expertise in a variety of tasks. The scope of publishing ranges from the tedious to the international, from pursuing errant commas to making multimillion-dollar deals. These tasks include writing, editing (both substance and copy), typesetting, layout, graphic design, proofreading, indexing, photography, film development, as well as all the particular tasks of printing, such as setting up signatures, making films, opaquing negatives, making plates, collating, and binding. When any book is published it must be stocked and marketed, which involves knowing accounts, outlets, publicity, and salesmanship. Publishing from its beginnings involves budgeting and fund raising. Any publisher, although not perhaps doing each task him self, has to manage all of them.

Although there are common themes in all book publishing there are marked differences in the ways different kinds of books are published for different markets. Publishers specialize in reaching particular markets. The skills of their staff, the activities they perform and the structure of the business are aligned accordingly. All kinds of publishers can be described as serving niche markets. Attaining a critical mass in a

particular field, right down to a list of books on the narrowest subject area, is vital to publishers of every size. It allows the employment of editors who understand and have contact with authors and associate in a particular field, and who can shape projects for their intended markets. A respected list attracts authors. Furthermore, a list of books needs to generate sufficient turnover to allow effective and focused marketing and selling, which in turn feeds new publishing.

Whatever the size and the sector of publishing, a publisher's underlying strength lies in the quality of its staff: a group of individuals who, ideally, share similar aims and values and are committed to the core business of publishing and selling books and information, who establish a stable of authors and go from strength to strength over the years. Publishing is a complex interplay of the creative and economic. Publishers that prosper in good times and bad are those that have developed and maintained a core group of long life titles delivering handsome margins, which are not too over dependent on such past successes and which focus on producing high quality books which are good of their kind. Provided a project has a genuine reason for being, reflects quality in its conception, content and production, and is made available at the right time and price to a well-targeted market it will, ideally, sell, sometimes prodigiously.

Books are not a basic life necessity; the reader usually buys a single copy, only once, not repeatedly; and readers are confronted by a multiplicity of choices to satisfy their interests. Books are also borrowed from libraries and other sources; they are even sometimes recycled! In comparison to faster moving industries such as music, video, software

and consumer magazines, book publishers take a long time (some would say an inordinately long time) to produce a book from author's manuscript through to publication. Production schedules of four to twelve months (or more) are typical. Most of a publisher's cash is tied up in stock. The turnover of a publisher's complete stock of all books commonly takes more than a year, and even longer in the case of educational, academic/scholarly, STM (science, technology and medicine), and reference books. Typically 20% of the titles account for 80% of the revenue but the uncertainties of estimating demand make the success of such books initially difficult to determine.

In general nowadays there are two quite different approaches to the preparation, production and dissemination of published materials. Though may not be the ideal terms, they are the best to describe and differentiate them, namely, the Western model and the non-Western model of publishing. What is called the 'Western model' simply describes most of the practices to be found in publishing houses in the UK, Europe and the USA. The 'non-Western' model is most closely associated with developing economies or with economies in transition.

The Western model, which in the eyes of the world is superior (in 2001 the UK published about 150,000 titles while at the same time, Malaysia representing the developing countries hardly published 5,000 titles), is demand-based, has a considerable understanding on the importance of 'the market', considers consumer affordability, assigns a fairly high status to authors, imposes copyright law firmly, gives commissioning a central role, publishes variety in the kinds of books, and has high production and design standards. Their long history in the

Publishers that prosper in good times and bad are those that have developed and maintained a core group of long life titles delivering handsome margins, which are not too over dependent on such past successes and which focus on producing high quality books which are good of their kind.

publishing business has provided them with an enormous expertise and has acquired them a great deal of prestige.

The non-Western model on the other hand, is supply-based, usually is state centralist whereby there is total intervention from the government, focuses on educational books, lacks of capital, lacks skilled staff, and has poor quality production and design. The publishers are given big responsibility to overcome the shortage of reading material in their countries; their existence is not only important but is vital. The countries of the Former Soviet Union were (and some still are) centralists in their publishing operations. Other countries such as Malaysia, China and Kenya could be said to be in transition from purely non-Western to one which is at least in part private sector in their operations; they

are in the process of book-trade liberalisation with the opening up of opportunities for private sector publishers and booksellers.

Although publishing in developing countries does not count for much in terms of gross national product, its importance to society outweighs its economic cost and benefit. The provision of books is crucial to education, to the development and maintenance of literacy, to the growth of a national culture, to the production and distribution of knowledge relevant to the nation, and to a sense of intellectual community.

Much of developing economies publishing is intended for locals, as they are mainly published in their own indigenous languages. As circulation is limited, the print run of the publications is small, thus making the unit cost high. The small circulation also increases the reluctance of potential authors to write and publish locally, especially scholarly publications. UK and US publishers on the other hand dominate English language exports. The British publishers enjoy their traditional export markets: the USA, Commonwealth and northern Europe. The giant American publishers with their much larger home market give little emphasis to exports, the major exception being the college textbook publishers (especially in STM). These opened subsidiaries in the UK after the Second World War and came subsequently to dominate the English language major 'first-year' textbook adoption markets worldwide, Commonwealth countries included.

The internalisation of the Western model publishers through ownership of academic, STM and professional book publishing is very extensive. High-level books and journals, especially in STM, in the English language, have an international

Publishers in the Third World on the other hand, are still struggling with issues as mentioned earlier. Besides, they too are faced with problems of piracy, whereby enforcement of copyright law to prevent photocopying phenomenon is still very weak; lack of competent authors who can write successfully ...

currency, mainly throughout the developed world. Major publishers with an international outlook dominate these fields on a world scale. Indeed, the publishers that inhabited these markets at the century end took many of the top world rankings: Pearson, Reed Elsevier, Wolters Kluwer and McGraw-Hill. However, by the turn of the decade academic libraries had moved from self-sufficiency in their collections to sharing copies through inter-library loans; and document suppliers copied individual chapters and journal articles for users, potentially cannibalising book sales and subscriptions.

The UK government policy to give greater emphasis to literary in primary schools is a fillip to children's publishers, which gain widespread school and library

sales. Their books become more answerable to the need of the country's National Curriculum, though it does create a tension between the book as an entertainment and the book as a learning aid. By the end of the century, an explosion in new children's fiction was apparent, most notably led by J.K. Rowling's Harry Potter series that not only rocketed the medium sized independent publisher Bloomsbury up the charts for retail sales in the UK, but which became international bestsellers and widely translated into many other languages such as French, German, Japanese and Mandarin – attractive to a children's and adult readership – stimulating interest in children's books across the board. The major children's publishers included, for example, the children's imprints of Puffin, Ladybird and Dorling Kindersley.

What is noticeable about the Western model publishing industry is that the books are published to fulfil the needs of the market, which means 'the market' comes first before the books are produced. The products produced are the one that the customers want, or one that they will be prepared to want – and pay for – once they have been informed of its existence. This is achieved by changing the level at which the book is pitched, the cover, or the number of illustrations, or price to meet the anticipated needs and preference of the market. In deed, appropriate and professional presentation to the market is a very important part of the publishing process. The information about what the needs and wants of the market are gathered through extensive market study (usually through information from agents and sales executives).

The Western model publishers have acquired a great deal of prestige in developed nations. Their long history in

the publishing business has provided them with an enormous expertise. The industry is underpinned by copyright protection; a plethora of talented living (and dead) authors; the freedom to publish; established languages (especially the English language, which is fortunately shared by much of the world); and a multiplicity of varied micro-markets, as opposed to a few mass markets, that arise and change rapidly and give opportunities to a wide range of publishers.

Publishers in the Third World on the other hand, are still struggling with issues as mentioned earlier. Besides, they too are faced with problems of piracy, whereby enforcement of copyright law to prevent photocopying phenomenon is still very weak; lack of competent authors who can write successfully for a given market; lack of professional editors and skilled production staff, thus resulting in low quality production; low reading habits of the citizens and low spending power, with low disposable income to be spent on books.

Rome was not built in a day, as the saying goes. Publishing industry in the Third World has still a long way to go to pave the route to success. To thrive well in the endeavour, it needs a strong commitment from everybody involved – the authorities, the authors, the publishers, and the citizen.

References

1. Altbach, P. G. and Choi H. *Bibliography on publishing and book development in the Third World, 1980-1993*. New Jersey: Ablex Pub., 1993.
2. Baverstock, A. *How to market books*, third edition. London: Kogan Page, 2000.
3. Jones, H. *Publishing law*. London: Routledge, 1996.

B E R I T A

NAIK PANGKAT

RUSLAN CHE PEE - Pustakawan S41 dinaikkan pangkat kepada Pustakawan S48, kini menjadi Timbalan Ketua Pustakawan di Perpustakaan



Kejuruteraan, Transkerian. Bertugas di Perpustakaan USM lebih 10 tahun lalu, sebelumnya sebagai Pustakawan di Perpustakaan Universiti Putra Malaysia selepas mendapat Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat di Universiti Teknologi Mara.



SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM - Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi Kanan di Bahagian Unit Pengajian Jarak Jauh dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Eksekutif

berkuatkuasa 15 November lalu. Kini ditugaskan di Pusat Arkeologi, Universiti Sains Malaysia. Telah bertugas di PUSM sejak 30 tahun lalu.

GOON ONG KUANG

- Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi di Bahagian Rujukan dan Maklumat dinaikkan pangkat menjadi Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi Kanan. Kini ditugaskan di Pusat Pengajian Sains Komputer. Telah mula bertugas di PUSM sejak 27 tahun lalu.



ABDUL BASHER ABDULLAH - Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi di Bahagian Bahan Bersiri dan Dokumen dinaikkan pangkat menjadi Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi Kanan. Kini ditugaskan di Bahagian Pengembangan Pembaca, PUSM. Telah mula bertugas di PUSM sejak 21 tahun lalu.

KELUARGA BARU

HUSRIATI HUSAIN

- Pustakawan S41, mula bertugas di PUSM 6 Mei 2002. Lulusan Sarjana Muda Pengajian Maklumat dari Universiti Teknologi Mara. Pernah bertugas di World Fish Centre (ICLARM). Kini Pegawai di Bahagian Rujukan dan Maklumat.



HASLIZA ALI

- Pustakawan S41 Sementara, mula bertugas di PUSM 6 Mei 2002. Lulusan Bachelor of Human Sciences dari Universiti Islam Antarabangsa dan Master in Library and Information Science dari Universiti Malaya. Kini Pegawai di Bahagian Proses Teknik.



HASLINA AHMAD RUPIAD

- Pustakawan S41, mula bertugas di Perpustakaan Kejuruteraan pada Oktober 2002. Beliau lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan dan Maklumat dan memiliki



Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Maklumat dari Universiti Teknologi Mara. Sebelum ini beliau bertugas di Malaysian Mining Corporation dari 1992-94, di Majlis Perbandaran Petaling Jaya dari 1998-2001 dan tugas terakhir ialah sebagai Pensyarah di UNITEN.

MAZAINUN AINI MOHD ZAIN

- Pustakawan S41, mula bertugas di Perpustakaan Kejuruteraan pada Oktober 2002. Sebelum ini beliau pernah bertugas sebagai staf sementara di Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur. Beliau adalah



lulusan Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage, dan Master of Library and Information Science dari Universiti Islam Antarabangsa.

MELANJUTKAN PELAJARAN

MOHD NASIR HJ MD RASHID

- Pustakawan S41, mula bertugas di PUSM sejak 10 tahun lalu. Bertugas di Bahagian Latihan, Projek dan Penyelidikan, juga sebagai Pengurus Kualiti. Akan melanjutkan pelajaran dalam Master of Arts di University of Victoria, Wellington, New Zealand.

NASIR KHAN HABIB MOHAMED

- Sebagai Pembantu Am Rendah di Bahagian Rujukan dan Maklumat. Mula bertugas di PUSM sejak 1985. Kini melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dalam IT di Institut Teknologi Tun Abdul Razak, Perai.

KETUA EDITOR MENANG PERADUAN

JENDELA mengucapkan tahniah kepada Ramli Abdul Samad, yang juga Ketua Editor JENDELA kerana berjaya mendapat tempat naib johan dalam Peraduan Mengarang Esei Bagi Sektor Badan Berkanun 2002.

Peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka itu disertai oleh peserta daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kategori A) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengungkapkan buah fikiran dalam bentuk tulisan yang tersusun dan terarah. Selain itu peraduan ini bertujuan membentuk tabiat membaca dan menimba ilmu juga untuk mendorong lebih ramai kakitangan di sektor badan berkanun menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan

'Memasuki Alam K-ekonomi' adalah tajuk esei yang memberi kemenangan kepada Ramli. Beliau telah menerima hadiah tersebut pada satu majlis khas yang diberi nama **Majlis Tinta Kencana 2002** pada 3 Oktober lalu yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.



HARI KELUARGA ASTAKA

Pada 29 September 2002 lalu, ASTAKA telah mengadakan Hari Keluarga di sebuah pusat peranginan terkenal di negara ini. Menurut Presidennya, Abdul Rashid Baba, seramai 60 orang staf dan ahli keluarga mereka telah menyertai 'pesta' sehari itu. Mereka yang menyertainya merasakan hari seperti ini seharusnya menjadi acara penting tahunan jabatan terutama untuk mengeratkan lagi silaturahmi antara staf dan keluarga.

ISI WEB OF SCIENCE DI LANCAR

Pada 3 Julai 2002 baru lalu, PUSM menjadi perpustakaan pertama di negara ini dengan rasminya melanggan pangkalan data ISI Web. Pada hari tersebut 3 orang wakil dari ISI Web telah hadir untuk memberikan seminar yang dihadiri oleh staf profesional dan ahli akademik di Universiti ini. Pangkalan data ini berindeks dan pencarian boleh dibuat melalui entri pengarang dan meliputi jurnal dalam pelbagai bidang sains. Ia mengandungi 5,700 jurnal dan meliputi skop sebanyak 164 disiplin sains. Pada akhir sesi ini, Dato' Naib Canselor, telah menerima plak daripada wakil tersebut. Maklumat lanjut tentang pangkalan data ini boleh didapati di muka surat 28.



BORIA LAGI

Mungkin ramai yang terkejut apabila melihat staf Perpustakaan menunjukkan bakat mereka d a l a m persembahan Boria yang diketuai oleh Osman Nor, staf dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca. Persembahan itu diadakan di Foyer Dewan Tuanku Syed Putra sempena PUSM menyambut Hari Kemerdekaan Ke-45 lalu. Tetamu khas pada majlis itu ialah Naib Canselor. Oleh kerana persembahan kumpulan boria itu amat cemerlang Dato' VC meminta persembahan itu di buat pada majlis yang lain pada malam itu juga. Hebat sungguh persembahan mereka.



TERBITAN BARU PENERBIT USM

